

09/10/2004

Melayu disaran hasilkan buku perjuangan

BANGI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mahu lebih ramai penulis di negara ini menghasilkan buku berdasarkan pengalaman sama ada dalam bentuk biografi atau sejarah bagi dinikmati generasi akan datang.

Beliau berkata, ini kerana tidak ramai bangsa Melayu yang menghasilkan buku mengenai perjuangan sebelum dan selepas kemerdekaan sedangkan ketika ini banyak buku berkaitan sejarah kemerdekaan ditulis oleh penjajah Inggeris.

"Buku yang tulis oleh bangsa asing kini digunakan sebagai rujukan tetapi ini semua adalah daripada pandangan mereka dan bukannya daripada sudut pandangan bangsa kita sendiri.

"Jika kita tidak merakamkan sendiri pengalaman ini, ia akan hilang begitu saja dan tidak akan dinikmati generasi akan datang," katanya dalam ucapan melancarkan buku biografi Prof Emeritus Tan Sri Rashdan Baba di sini, semalam.

Buku bertajuk Dari Menara Gading ke Mercu Korporat : Biografi Rashdan Baba itu diterbitkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Hadir sama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin.

Dr Mahathir berkata, penghasilan buku yang berkisar pengalaman sama ada perjuangan sebelum atau selepas negara merdeka mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Sehubungan itu, beliau menyeru kepada mana-mana pihak yang mempunyai bahan sejarah atau merekodkan sejarah negara daripada sebuah negara yang dijajah kepada sebuah negara merdeka agar dapat menyumbang kepada usaha merekodkan sejarah pembangunan negara.

"Saya sendiri pernah berusaha mengarahkan kakitangan saya untuk merekodkan pengalaman seseorang mengenai perjuangan kemerdekaan dengan menggunakan pita rakaman bagi tujuan menulis buku tetapi tidak berjaya," katanya.

Beliau yang sendiri mengakui sibuk selepas bersara daripada jawatannya berkata, setiap hujung minggu, beliau terpaksa memenuhi undangan pelbagai pihak sehinggakan tidak mempunyai masa untuk menulis buku atau biografi mengenai dirinya.

(END)